

Kawal rasuah banteras isu rokok seludup

Serdang: Penguatkuasaan berterusan, kawal rasuah dan tingkatkan produktiviti kerja serta teruskan kempen kesedaran berskala besar.

Itu saranan Pensyarah Kanan Jabatan Ekonomi, Fakulti Ekonomi dan Pengurusan, Universiti Putra Malaysia (UPM) Dr Norashidah Mohamed Nor bagi membanteras kegiatan penyeludupan rokok seludup di Malaysia.

Menurutnya, hasil kajian dilakukan pihaknya mendapati, faktor harga bukanlah punca utama kepada rokok seludup tidak terkawal dalam negara ini.

"Sebaliknya kurangnya penguatkuasaan antara punca lambakan rokok seludup dalam pasaran.

"Data hasil kajian dilakukan kami di UPM membuktikan perkara berkenaan. Jadi, kita sarankan kepada pihak kerajaan langkah terbaik bagi mengatasi masalah penyeludupan rokok seludup di negara ini," katanya ketika ditemui di UPM, di sini, semalam.

Memperincikan sarannya itu, Norashidah berkata, penguatkuasaan berterusan perlu dipertingkatkan bagi banteras kegiatan penyeludupan rokok seludup.

"Bukan saja Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) ataupun Kementerian Kesihatan perlulah menguatkuasakan peruntukan undang-undang sedia ada dengan memperhebatkan penguatkuasaan sebaliknya



DR Norashidah

semua agensi keselamatan lain perlu serius dan bersama menangani masalah ini (rokok seludup).

"Kawal pintu sempadan dengan lebih ketat dan sentiasa lakukan serbuan di premis menjual rokok," katanya.

Antara agensi yang boleh

bertindak ke atas rokok seludup termasuk Polis Diraja Malaysia (PDRM), Pasukan Polis Marin, Agensi Kawalan Sempadan (AKSEM), Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APPM), serta Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK).

"Keduanya, produktiviti petugas keselamatan berkaitan juga perlu dipertingkatkan selain kawal gejala rasuah. Jika ketiga-tiga elemen itu dilaksanakan, pasti masalah rokok seludup dapat dibanteras," katanya.

Suruhanjaya Pencegah Rasuah Malaysia (SPRM) serta Pasukan Penguatkuasa Pemulihan Negara (NRR-RET) Jabatan Peguam Ne-

gara mempunyai bidang kuasa yang khusus untuk menyiasat dalang-dalang di sebalik sindiket penyeludupan ini yang menyebabkan negara hilang RM5 bilion setahun.

Dalam perkembangan sama, Norashidah menegaskan kempen kesedaran berskala besar perlu diteruskan.

"Sebelum ini ada kempen dijalankan (kerajaan) tetapi dihentikan kerana kononnya tidak berkesan selepas beberapa tahun melakukannya.

"Kempen kesedaran sebalikinya perlu dilakukan dalam skala besar bagi tempoh panjang. Barulah keberkesanan kempen berkenaan akan terhasil," katanya.